

D658

U B113 AAB  
MAHATHIR R R R

KUALA LUMPUR, 14 FEB (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBERI JAMINAN BAHAWA KERAJAAN AKAN BERUSAHA UNTUK MENENTUKAN BAHAWA MASALAH DALAM UMNO SEKARANG AKAN DIATASI DENGAN APA CARA JUA.

BELIAU BERHARAP SEMUA PIHAK AKAN BERTENANG DAN MEMBERI KEPERCAYAAN KEPADA KERAJAAN UNTUK BERTINDAK BAGI MENYELESAIKAN MASALAH BERKENAAN.

+KERAJAAN AKAN BERUSAHA SEHINGGA IA BERJAYA,+ KATA PERDANA MENTERI KETIKA BERUCAP PADA PERHIMPUNAN KUMPULAN PENYOKONG-PENYOKONG KERAJAAN DI BANGUNAN PARLIMEN DI SINI.

PERDANA MENTERI BERKATA UNDANG-UNDANG DIADAKAN BUKAN UNTUK MENIMBULKAN MASALAH TETAPI UNTUK KESEMPURNAAN DAN KESEJAHTERAAN MANUSIA.

+HANYA UNDANG-UNDANG TUHAN TIDAK BOLEH DIUBAH TETAPI TIDAK UNDANG-UNDANG MANUSIA,+ KATANYA DENGAN DISAMBUT OLEH TEPUKAN PARA HADIRIN.

+INSYA-ALLAH KERAJAAN AKAN DAPAT MENYELESAIKAN MASALAH TERMASUKLAH TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL DI DALAM DEWAN,+ TEGASNYA. -- LAGI.

1828MST 14 02 88

D662

U B114 AAB  
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR MENAFIKAN BAHAWA PUCUK PIMPINAN UMNO HANYA BERDIAM DIRI SEJAK MAHKAMAH MENGUMUMKAN KEPUTUSAN BAHAWA UMNO SEBUAH PARTI TIDAK SAH, SEBAGAIMANA YANG DIDAKWA OLEH SESETENGAH PIHAK KONONNYA PUCUK PIMPINAN TIDAK BERBUAT APA-APA.

+PUCUK PIMPINAN HANYA TIDAK MEMUKUL CANANG SAHAJA,+ KATA BELIAU SAMBIL MENAMBAH BAHAWA: +KITA TIDAK BOLEH BERBUAT DEMIKIAN KERANA ORANG YANG CUBA MEMUSNAHKAN UMNO SEDANG MENUNGGU MASA SAHAJA.+

+MEREKA AKAN BERUSAHA DENGAN PELBAGAI CARA DAN AKAN TERUS MENCUBA MENGHERET ORANG-ORANG UMNO AGAR BERPALING TADAH.

+BERHATI-HATILAH KERANA KITA BERKHIDMAT UNTUK KEPENTINGAN NEGARA DAN BUKANNYA UNTUK KEPENTINGAN DIRI SENDIRI,+ KATA BELIAU DALAM UCAPANNYA SELAMA KIRA-KIRA SETENGAH JAM ITU.

SEJAJAR DENGAN ITU, BELIAU MENYERU BEKAS ANGGOTA UMNO PERINGKAT BAHAGIAN DAN CAWANGAN BERJAGA-JAGA KERANA MEREKA YANG BERKENAAN AKAN MENERUSKAN KEGIATAN UNTUK MENGHASUT MEREKA AGAR BERPALING TADAH. -- LAGI.

1846MST 14 02 88

D673

U B120 AAB  
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR R R R

BELIAU BERKATA PERHIMPUNAN HARI INI JUGA MENZAHIRKAN KEPADA RAKYAT DAN DUNIA BAHAWA PUCUK PIMPINAN KERAJAAN SEKARANG TIDAK HILANG KEPERCAYAAN MANA-MANA PIHAK.

KERAJAAN MEMERLUKAN SOKONGAN PADU DARIPADA RAKYAT UNTUK MENENTUKAN KESTABILANNYA, KERANA JIKA TIDAK, IA TIDAK AKAN MENDAPAT KEPERCAYAAN DUNIA, KATANYA SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA SEBELUM INI, KESTABILAN NEGARA BERGANTUNG PADA UMNO.

+KESTABILAN NEGARA KITA INI ADALAH KERANA ADANYA UMNO (PARTI TERBESAR) DENGAN DISOKONGI DAN DITAMBAHKAN LAGI KEKUATAN ITU OLEH RAKAN-RAKAN KOMPONEN DALAM BARISAN NASIONAL (BN).+

BELIAU JUGA PERCAYA WALAUPUN UMNO SEBAGAI FOKUS PERISTIWA YANG BERLAKU INI, RAKAN-RAKAN KOMPONEN BN JUGA TURUT MERASAINYA.

BAGAIMANAPUN BELIAU BERKATA: +KITA MASIH DAPAT MEMBUKTIKAN KEPADA DUNIA BAHAWA KERAJAAN SEKARANG MASIH KUKUH DAN KUAT, WALAUPUN ADA PIHAK YANG CUBA MEMPERKECILKAN PERHIMPUNAN INI.+ -- LAGI.  
1924MST 14 02 88

D678

U B123 AAB  
MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR R R R

BELIAU JUGA YAKIN RAKYAT YANG TERDIRI DARIPADA PELBAGAI KAUM DI NEGARA INI MENGANGGAP UMNO SEBUAH PARTI PENTING, DAN SEDAR AKAN PENTINGNYA UMNO MENJADI SEBUAH PARTI YANG KUKUH DAN KUAT BAGI MENENTUKAN KESTABILAN POLITIK NEGARA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA, KERAJAAN SELEPAS PERHIMPUNAN AGUNG UMNO APRIL LEPAS, TIDAK DAPAT MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA USAHA UNTUK MENINGKATKAN EKONOMI, PELABURAN DAN PEMBANGUNAN NEGARA KERANA USAHA SESETENGAH PIHAK UNTUK MEMBATALKAN KEPUTUSAN PERHIMPUNAN ITU.

+KITA TIDAK DAPAT MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA USAHA MEMBANGUNKAN NEGARA KERANA ADA DURI-DURI DALAM DAGING.+

KATA BELIAU, SEBAB UTAMA BERLAKUNYA MASALAH SEKARANG IALAH KERANA ADA PIHAK YANG CUBA MEMBELAKANGKAN TRADISI UMNO DAN TIDAK MENGENDAHKAN PENDAPAT BELIAU SUPAYA TIDAK BERLAKU PERTANDINGAN UNTUK SESUATU JAWATAN TERTENTU DALAM PARTI PADA PERHIMPUNAN YANG LEPAS. -- BERNAMA.

1934MST 14 02 88